



KEMALANGAN

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Informasi dibawah mengandungi ciri utama produk, fi, manfaat dan lain-lain terma penting dan syarat supaya anda dapat membuat keputusan dengan berhemah sebelum membeli pelan ini.



Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk mendapatkan pelan perlindungan Kemalangan. Pastikan juga anda membaca Kontrak.

Kategori	Soalan untuk Diri Sendiri	Jawapan Kami
 Manfaat Produk	Apakah produk ini?	Pelan perlindungan kemalangan ialah pelan bertempoh diperbaharui setiap tahun yang melindungi anda daripada Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) disebabkan oleh kemalangan.
	Apakah manfaat-manfaat nya?	Apabila berlaku kematian atau TPD akibat kemalangan, yang mana berlaku dahulu dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh kemalangan, amaun perlindungan anda akan dibayar kepada: 1.Benefisiari anda, jika kematian akibat kemalangan 2.And, jika TPD akibat kemalangan (Notakaki A: Definisi TPD)
	Berapa lamakah tempoh perlindungan?	Perlindungan kemalangan bertahan selama 1 tahun. Ia nya diperbaharui setiap tahun sehingga anda mencapai umur 70 tahun.
 Premium, Kesyukuran, Fi dan Caj.	Berapa banyak premium yang perlu saya bayar?	Premium dikira berdasarkan umur dan pekerjaan anda. Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza-beza bergantung pada pekerjaan terkini anda. Untuk mengetahui premium semasa dan premium masa depan anda, sila rujuk kepada 1. Notakaki B: Kadar Premium 2. Notakaki C: Jumlah Premium Nota: kadar premium tidak dijamin. Kami berhak untuk menyemak semula kadar premium dengan memberi anda 30 hari notis awal. Anda harus yakin bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi adalah jumlah yang anda mampu.
	Apakah Kesyukuran?	10% daripada premium anda merupakan Kesyukuran dimana ia adalah pemberian kebijakan anda untuk menaja kumpulan pendapatan teramat rendah mendapatkan Insurans Tajaan.

	Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?	Tiada fi dan caj yang perlu dibayar.
 Had Perlindungan	Bilakah perlindungan saya bermula?	Perlindungan anda bermula dengan serta merta sebaik sahaja bayaran premium berjaya. Pelan ini tiada tempoh menunggu.
	Apakah pengecualian utama?	Pelan ini tidak melindungi kematian atau TPD akibat kemalangan sekiranya disebabkan oleh kecederaan diri sendiri, mabuk, peperangan/seakan tindakan peperangan, membuat tangkapan sebagai pegawai undang-undang, tindakan haram, perlumbaan dipasang atau beroda, penerbangan bukan komersial, sukan profesional, penggunaan enjin prototaip, penyakit berjangkit, mengandung, bersalin, keguguran, penyakit/kecederaan sedia ada, radiasi nuklear, atau menolak rawatan perubatan. Nota: sila rujuk pada <u>Kontrak</u> untuk senarai penuh pengecualian.
 Tuntutan	Bagaimanakah saya membuat tuntutan?	Penama anda boleh membuat tuntutan di hospital panel yang menguruskan kematian anda dengan mengikuti panduan langkah demi langkah dalam aplikasi DearTime kami. DearTime akan berurusan secara langsung dengan hospital panel sebelum mendepositkan tuntutan yang telah diluluskan ke akaun bank anda. Penama anda juga boleh menghantar bukti tuntutan melalui aplikasi DearTime.
 Lain-lain	Apakah dan utama? terma-terma syarat-syarat	<ol style="list-style-type: none"> Kepentingan Pendedahan: anda mesti mendedahkan semua fakta material dan maklumat yang betul. Sebarang pendedahan palsu mungkin menyebabkan tuntutan ditolak. Tempoh Pembatalan: anda ada 15 hari daripada tarikh kontrak untuk membatalkan perlindungan dan mendapat bayaran balik penuh. Cukai Kerajaan: premium dibayar adalah tertakluk kepada cukai semasa yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia. Nota: sila rujuk pada <u>Kontrak</u> untuk senarai terma dan syarat yang penuh.
	Bolehkah saya batalkan perlindungan saya?	Anda boleh batalkan perlindungan anda pada bila bila masa. Sekiranya anda batalkan selepas tempoh pembatalan, perlindungan anda tamat pada tarikh seterusnya premium patut dibayar dan tiada bayaran balik premium tertungggak. Perlindungan anda tamat serta merta sekiranya premium tidak dibayar semasa tempoh tangguh.
	Apakah patut saya buat sekiranya butiran hubungan dan peribadi saya berubah?	Adalah penting anda pastikan butiran hubungan anda dikemas kinikan dalam akaun DearTime supaya anda menerima semua notifikasi penting. Adalah juga penting untuk anda memberitahu kami sekiranya ada perubahan dalam pekerjaan atau aktiviti masa lapang anda.

	Dimanakah boleh saya mendapat maklumat lanjut?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sembang Langsung: di aplikasi dan laman web DearTime 2. Tentang DearTime: www.deartime.com <p>DearTime Berhad (1309554-D) 2-07-01, Level 7 Plaza Bukit Jalil, Jalan Persiaran Jalil 1, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia. Talipon: +603 8605 3511 Emel: help@deartime.com</p>
	Adakah anda menawarkan pelan-pelan lain seperti ini?	Tiada

NOTA PENTING:

MEMBELI PERLINDUNGAN INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS PERLINDUNGAN YANG TERBAIK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PATUT BACA DAN FAHAMI KONTRAK DAN HUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah sah pada {current_date}.

Semua produk insurans hayat yang ditawarkan oleh DearTime mengunderaitan dan dikuatkuasakan oleh DearTime. DearTime ialah peserta yang diluluskan dalam Pendekatan Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (Sandbox) Bank Negara Malaysia untuk menjalankan ujian model perniagaan insurans hayat digitalnya. Setelah tamat tempoh ujian Sandbox, DearTime akan dikehendaki mendapatkan lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk terus menjalankan perniagaan insurans hayat digitalnya.

NOTAKAKI A:

Definisi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)

Kurang Upaya berikut adalah dianggap TPD:

1. Hilang penglihatan sepenuhnya dan tidak boleh pulih pada 2 belah mata
2. Hilang fungsi sepenuhnya atau hilang sepenuhnya dan tidak boleh pulih kerana putus sekurang-kurangnya 2 anggota pada atau diatas paras pergelangan tangan atau pergelangan kaki
3. Hilang penglihatan sepenuhnya dan tidak boleh pulih pada 1 mata dan hilang sepenuhnya fungsi dan tidak boleh pulih kerana putus 1 anggota pada atau diatas paras pergelangan tangan atau pergelangan kaki.

Kurang Upaya berikut adalah dianggap TPD sekiranya kekal dan berlanjutan bagi tempoh minima selama 6 bulan berturut turut dan disahkan oleh perunding Pakar Perubatan. Untuk TPD ini, wang tuntutan anda akan terakru daripada tarikh TPD bermula:

Diinsuraskan	Definisi TPD
Umur < 16	<p>Kurang upaya dimana, pada pendapat perunding Pakar Perubatan, yang Diinsuraskan sentiasa memerlui penjagaan dan perhatian berterusan, dan adalah terhad:</p> <ul style="list-style-type: none"> - di rumah dibawah penyeliaan perubatan; atau - di dalam hospital atau institusi seumpamanya
<ul style="list-style-type: none"> - Umur > 60, atau - Menganggur, atau - Bersara untuk selama-lamanya, atau - Tidak pernah bekerja 	<p>Kurang upaya yang mengakibatkan kehilangan kewujudan bebas dimana yang diinsuraskan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Terhad di rumah, hospital atau institusi seumpamanya - Secara kekal tidak dapat melaksanakan sekurang-kurangnya 3 Aktiviti Kehidupan Harian* walaupun dengan penggunaan peralatan khas yang dimaksudkan untuk orang kurang upaya
Umur antara 16 - 60 tahun dan yang bekerja	<p>Kurang upaya dimana, pada pandangan perunding Pakar Perubatan, tidak ada kemungkinan yang munasabah bagi yang diinsuraskan semasa baki hayat untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Terlibat dalam sebarang perniagaan atau pekerjaan - Melakukan apa-apa kerja untuk mendapatkan pampasan atau keuntungan.

* Senarai Aktiviti Kehidupan Harian:

1. Pengagihan – duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
2. Pergerakan – keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
3. Buang Air/Penggunaan Tandas – keupayaan untuk mengawal fungsi buang air besar dan buang air kecil demi menjaga kebersihan diri
4. Berpakaian – Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
5. Mandi/Membasuh – keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk, masuk atau keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan sebarang cara lain.
6. Makan – semua tugas memasukkan makanan ke dalam badan setelah ia disediakan.

NOTAKAKI B:

{ Bulanan atau Tahunan } Kadar Premium untuk setiap RM1,000 Amaun Perlindungan

Umur	Kadar Premium

NOTAKAKI C:

{ Bulanan atau Tahunan } Jumlah Premium

Umur	Jumlah Premium, RM